# Kerajaan negeri arah kaji semula garis panduan pembangunan cerun

BH ONLINE | Khamis, 29 Ogos 2019 | 11:43pm




Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow. - NSTP/Mikail Ong

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan mengadakan perbincangan segera bagi menaik taraf garis panduan pembangunan cerun sedia ada.

Arahan itu dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri yang dipengerusikan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, hari ini susulan hasil Laporan Suruhanjaya Siasatan Berhubung Insiden di Tapak Binaan Tanjung Bungah, yang dikeluarkan semalam.

“Saya sudah arahkan pihak terbabit untuk duduk bersama dan berbincang selama sebulan, mengenai garis panduan cerun sedia ada Pulau Pinang dan bagaimana kita dapat memperbaikinya.

“Selepas ini, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo, akan membentangkan hasil cadangan dan tindakan perlu bagi memastikan insiden seperti di Tanjung Bungah tidak berulang,” katanya.

Kon Yeow bercakap pada sidang media selepas mesyuarat itu di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini, hari ini. Hadir sama, Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A Rajendran.

Laporan Suruhanjaya Siasatan Berhubung Insiden di Tapak Binaan Tanjung Bungah semalam mendedahkan empat pihak termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bertanggungjawab terhadap tragedi tanah runtuh di tapak